

PROGRAM HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2023 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

14 JULAI 2023, MELAKA - Program Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat negeri Melaka tahun 2023 bertemakan [#beatplasticpollution](#) anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah dilaksanakan pada 13 Julai 2023 di Bilik Mesyuarat Gunasama, Aras 4, Menara Persekutuan, MITC Melaka yang lalu. Program disertai oleh YB Tuan Low Chee Leong, Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, mewakili JAPERUN Kota Laksamana, wakil-wakil bagi 25 Japerun di negeri Melaka dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka turut hadir meraikan majlis. Pengisian program melibatkan taklimat larangan pembakaran terbuka oleh Encik Nik Mohd Faris bin Nezam, Pegawai Kawalan Bahagian Operasi, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Edaran kit larangan pembakaran terbuka yang mengandungi satu (1) banner, lima (5) helai poster dan beberapa pamflet berkenaan larangan pembakaran terbuka juga telah diedarkan kepada wakil japerun semasa program tersebut. Orang awam dinasihatkan untuk tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka yang boleh menjejaskan kualiti udara dan kesihatan. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama](#)